



**LEMBAGA PEMEGANG AMANAH TAMAN-TAMAN SABAH  
(THE BOARD OF TRUSTEES OF SABAH PARKS)**

Lot 45 & 46, Tingkat 1-5, Block H Signature Office, KK Times Square,  
Coastal Highway, 88100 Kota Kinabalu, Sabah, MALAYSIA.  
Peti Surat 10626, 88806 Kota Kinabalu, Sabah, MALAYSIA.

( Sila nyatakan rujukan pejabat ini apabila menjawab surat ini )

Ruj. Kami : TS/PTD/19/20 Jld.11 ( )

17 Jun 2020

Pengarah,  
Taman-Taman Sabah.

YBhg. Pengarah,

**MEMOHON KELULUSAN PINDAHAN PROSEDUR OPERASI TETAP(SOP) PENGOPERASIAN SEMULA STESEN TAMAN DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN(PKPP) SEHINGGA 31 OGOS 2020**

Dengan segala hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk.

02. Berikut adalah senarai Peraturan-Peraturan/Garis Panduan SOP Pengoperasian Semula Stesen Taman Semasa dan Selepas dibuka untuk disyorkan dipindah bersesuaian dengan keadaan semasa dan Peraturan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan(PKPP) yang diumumkan untuk pertimbangan kelulusan YBhg. Pengarah bagi tujuan memudahkan pelaksanaan di stesen-stesen Taman.

Bil.	Peraturan	Diluluskan/Tidak Diluluskan	Tandatangan /Tarikh
1.	Pendakian ke Gurkha Hut hanya dibenarkan pemohon dengan ahli keluarga terdekat sahaja bagi mengatasi isu penjarakan sosial.		
2.	Pengunaan kolam air panas di stesen Poring, Taman Kinabalu tidak dibenarkan atas kesukaran melaksanakan penjarakan sosial.		
3.	Had kemasukan pelawat bagi semua stesen/sub-stesen adalah <b>KEKAL</b> 100 orang/sehari/stesen/pulau.		
4.	Pendakian ke Gunung Kinabalu:  i) Kuota kemasukan pendaki setiap hari masih <b>KEKAL</b> iaitu (Taman-Taman Sabah: 40 orang, Sutera Sanctuary Lodge: 40 orang & Mountain Torq: 20 orang) dikekalkan sehingga dimaklumkan.		

	ii) Pendaki berumur 12 tahun dan ke bawah tidak dibenarkan untuk mendaki Gunung Kinabalu.		
5.	Aktiviti berkhemah dibenarkan dalam kumpulan yang mempunyai hubungan keluarga dan dihadkan bilangan.		
6.	Restoran dan Café dalam Taman di <b>KEKALKAN</b>		
7.	Galeri, Bilik Mesyuarat dan Pamaren Taman di <b>KEKALKAN</b>		
8.	Penginapan dan Kebun Penyelidikan di <b>KEKALKAN</b>		
9.	Aktiviti Penyelidikan boleh dilaksanakan seperti biasa		
10.	Penguatkuasaan boleh dilaksanakan seperti biasa		

**Nota,**

- i. **DIKEKALKAN** bermaksud tiada perubahan dan kekal seperti mana yang diamalkan sebelum ini.
- ii. **Boleh dilaksanakan seperti biasa** bermaksud aktiviti boleh dilaksanakan seperti sebelum Perintah Kawalan Pergerakan(PKP).
- iii. Pelaksanaan semua aktiviti di atas masih tertakluk kepada SOP Kementerian Kesihatan Malaysia dan Majlis Keselamatan Negara(MKN) seperti penjarakan sosial, pemeriksaan suhu badan, penggunaan PPE.


03. Pindaan ini akan dikaji semula dari semasa ke semasa berdasarkan keperluan stesen, keselamatan pelancong dan pematuhan Perintah yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa dari semasa ke semasa.

04. Mohon kelulusan YBhg. Pengarah bagi perkara ini.

Sekian, terima kasih.

**"MELAKAR SEJARAH-CREATING HISTORY"**

Saya yang menjalankan amanah,



(MAIPOL SPAIN)

Ketua Penolong Pengarah  
Bhgn. Pengurusan & Operasi

s.k.

- |   |            |
|---|------------|
| Timbalan Pengarah,<br>Bhgn. PTD/Kwg/PSM/P & P   | - Makluman |
| Timbalan Pengarah<br>Bhgn. Pengurusan & Operasi | - Makluman |
| Semua KPP dan Pengurus Taman                    | - Makluman |

MS/-